

Maimunah wanita pertama dilantik Datuk Bandar KL

Dr Zaliha yakin Maimunah dapat teruskan kesinambungan pengalaman dan sumbangan beliau untuk pimpin DBKL

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**
KUALA LUMPUR

Wanita Asia pertama memegang jawatan Pengarah Eksekutif United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat), Datuk Seri Paduka Dr Maimunah Mohd Sharif dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur berkuat kuasa pada Khamis.

Pelantikan Maimunah, 63, telah mendapat perkenan Yang

di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim selaras Subseksyen 4 (2), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

Pelantikan itu menyaksikan beliau wanita pertama menerajui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kali ke-15.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, beliau yakin pelantikan Maimunah dapat meneruskan kesinambungan pengalaman dan sumbangan beliau untuk memimpin DBKL dengan penuh



MAIMUNAH

integriti bagi memastikan kemampanan pembangunan, kecemerlangan dan kegemilangan berterusan ke arah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur maju dan sejahtera.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih

diucapkan kepada Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh atas segala sumbangan dan kepimpinan beliau sepanjang menjawat jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur,” katanya dalam satu kenyataan pada

Rabu.

Menurut Dr Zaliha, Maimunah mempunyai pengalaman selama 39 tahun dalam perancangan bandar, penjana semula bandar dan pembangunan yang diterajui komuniti.

Jelas beliau, Maimunah adalah individu bertanggungjawab mengembalikan kedudukan UN-Habitat sebagai peneraju pemikiran dalam perbandaran mampan selama enam tahun.

“Beliau juga pernah diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Bersama Secretary-General’s Task Force on the Future Cities dan Pengerusi Bersama Local 2030 Coalition.

“Kini beliau dilantik sebagai

Penasihat kepada International Council for Local Environment Initiative (ICLEI),” jelas beliau.

Maimunah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Perancangan Bandar) dari University of Wales Institute of Science and Technology, United Kingdom sebelum melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar) di Universiti Sains Malaysia.

Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai serta pernah menjadi Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).